



UM.FC/FPD/FTC/170/2-1

29 Ogos 2025

Semua Pembekal Yang Berdaftar

Tuan/Puan,

PELAKSANAAN SIJIL PEMATUHAN CUKAI (TAX COMPLIANCE CERTIFICATE – TCC) BAGI SEMUA KAEDAH PEROLEHAN DI UNIVERSITI MALAYA (UM)

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Kementerian Kewangan (MOF) melalui surat pekeliling bertarikh 24 Jun 2025 telah mengumumkan penguatkuasaan sepenuhnya arahan pengemukaan Sijil Pematuhan Cukai (*Tax Compliance Certificate - TCC*) sebagai **syarat tambahan wajib dalam dokumen tawaran perolehan Kerajaan mulai 1 Julai 2025.**

3. Pengemukaan TCC **diwajibkan bagi semua kaedah perolehan** di bawah semua kategori bekalan, perkhidmatan (perunding dan bukan perunding) dan kerja, sama ada secara manual ataupun melalui sistem.

4. Selaras dengan penguatkuasaan tersebut, semua pembekal yang berdaftar dengan UM adalah diminta untuk mengambil tindakan berikut:

- (i) Memastikan status TCC adalah 'Patuh' dan masih sah;
- (ii) Mengemaskini maklumat TCC pada Profil Syarikat dalam Sistem F1RST;
(Profil Syarikat > Maklumat Cukai > Tambah Rekod Baru > Jenis Cukai – TCC)
- (iii) Memuatnaik TCC semasa menyertai proses bidaan.

Sila rujuk **Infografik Sijil Pematuhan Cukai – Panduan Ringkas Untuk Pembekal** seperti yang dilampirkan untuk maklumat lanjut.

5. Untuk makluman, kegagalan mengemukaan TCC atau pengemukaan TCC yang tidak sah (tamat tempoh/ palsu) akan menyebabkan status pematuhan dokumen ditetapkan sebagai "Gagal" dan tawaran tidak layak dinilai ke peringkat seterusnya. Status sah laku TCC syarikat akan turut disemak semasa peringkat pembayaran dan **kegagalan membuat pengemaskinian boleh mengakibatkan urusan pembayaran tertangguh.**

6. Perhatian dan kerjasama semua berhubung perkara ini amatlah dihargai. Sebarang pertanyaan, sila hubungi Pejabat Bendahari seperti butiran berikut:

Bil.	Perkara	Emel	Telefon
1.	Urusan berkaitan Perolehan dan Pembekal	unit_perolehan@um.edu.my	03 - 7967 4660/ 6966/ 6967
2.	Urusan Pembayaran	bursar_payment@um.edu.my	03 - 7967 3403/ 7753/ 7005/ 3527

Sekian, terima kasih.

Yang benar,


WAN MOHD SOFI WAN MUSTAPHA
Bendahari

PEJABAT BENDAHARI

Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, MALAYSIA
(603) 7967 3205

JABATAN PERKHIDMATAN KEWANGAN

Pusat Kewangan Pelajar (603) 7967 3289 • Faks: (603) 7967 3588 / Pusat Pembayaran & Pengurusan Dana (603) 7967 3403
Pusat Perolehan (603) 7967 4660 • Faks: (603) 7967 4607 / Pusat Pengurusan Tunai & Bank (603) 7967 3466

JABATAN PERANCANGAN KEWANGAN

Pusat Belanjawan (603) 7967 3268 / Pusat Akaun (603) 7967 7731 / Pusat Teknologi Kewangan (603) 7967 3433
Pusat Kewangan Korporat (603) 7967 3270